

TAHAP CORE ABILITIES DALAM KALANGAN PELAJAR BIDANG KIMPALAN DAN FABRIKASI LOGAM ILP NEGERI JOHOR

Mohd Hasril Amiruddin^{1*} & Amira Eleza Azemi²

¹ Faculty of Technical and Vocational Education, UTHM

*Correspondence: hasril@uthm.edu.my

Abstrak

Core Abilities merupakan kemahiran teras yang perlu ada pada setiap pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan. Dalam era globalisasi, penguasaan Core Abilities di kalangan pelajar adalah penting bagi memenuhi permintaan tenaga kerja yang memerlukan ilmu pengetahuan, sikap dan kemahiran teknikal. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap penguasaan Core Abilities dalam kalangan pelajar ILP sekitar negeri Johor. Responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada 105 orang pelajar tahun akhir dalam bidang Kimpalan dan Fabrikasi Logam. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk borang soal selidik ke atas pelajar berdasarkan beberapa elemen Core Abilities seperti komunikasi berkesan, kesedaran teknologi maklumat, kemahiran kepimpinan, etika tempat kerja, kemahiran pentadbiran dan kesedaran kesihatan, keselamatan dan persekitaran. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) 22.0 bagi mendapatkan skor min, peratusan dan ujian-t. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan elemen-elemen Core Abilities di kalangan pelajar berada pada tahap tinggi dan tiada perbezaan yang signifikan secara statistik di antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap penguasaan Core Abilities sebagai persediaan untuk bekerja. Secara kesimpulannya, pelajar haruslah menguasai Core Abilities bagi meningkatkan daya saing antara mereka dalam memenuhi keperluan pekerjaan.

Kata kunci: *Core Abilities, Kimpalan dan Fabrikasi Logam, ILP*

Abstract

Core Abilities is the core skills that should be present in every workers especially in a working situation. The globalisation era requires the mastery of Core Abilities towards employment of jobs, mainly in work force that consists of people who are knowledgeable, attitude and skilled. Therefore, the research is aimed towards surveying the mastery of Core Abilities among ILP students around Johor. Research samples include 105 students of final year certificates from "Kimpalan dan Fabrikasi Logam" course. This research used quantitative and the instrument used are questionnaires that are constructed based on the Core Abilities Stage 3 module that includes effective communication, ICT awareness, leadership skills, workplace ethics, administrator skills, and health and environmental awareness. The data of the research were analysed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software to calculate the percentage, min, standard deviation and T-Test. The research result shows that the mastery of Core Abilities with gender have yield results of high mastery of Core Abilities that are equal for both men and women. In conclusion, students need to master the Core Abilities to increase competition in the work opportunities

Keywords: *Core Abilities, Kimpalan and Fabrikasi Logam, ILP*

1.0 PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 menekankan kepada pembentukan kualiti graduan. Hubungan antara industri dengan institusi latihan yang saling berkerjasama bagi menghasilkan graduan yang memenuhi keperluan industri bersesuaian dengan kemahiran tertentu (Guilds, 2011). Menjelang tahun 2020, Malaysia bakal menjadi maju dan mempunyai rakyat berpendapatan tinggi. Untuk mencapai impian tersebut, modal insan yang mahir perlu dihasilkan dalam meningkatkan kualiti kerja. Justeru itu, penekanan dalam aspek kemahiran teras dalam kalangan pelajar perlu ditingkatkan apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam pekerjaan. (Hassan, 2002). Penguasaan *Core Abilities* dalam bidang pekerjaan tidak lagi menjadi perkara asing pada masa kini. Setiap pelajar yang akan menempuh alam pekerjaan mestilah memiliki *Core Abilities* ini supaya bakal majikan mereka dapat melihat potensi dalam diri mereka. Menurut Koffel (1994), kepentingan *Core Abilities* bagi para pelajar yang bakal melalui alam pekerjaan dalam melengkapkan diri supaya diterima sebagai pekerja. Ianya bukan hanya berkisar tentang pencapaian akademik seseorang individu itu, tetapi faktor lain yang boleh menambah nilai individu tersebut untuk bersaing di dalam dunia pekerjaan.

Penerapan *Core Abilities* ini boleh dilihat dalam pelbagai keadaan yang berbeza melalui pendidikan formal yang diterapkan, ia akan menjadi saluran utama untuk pelajar menguasai *Core Abilities*. Jika dilihat senario pendidikan pada masa kini, kebanyakan institusi pendidikan bermula dari sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi sedang giat berusaha untuk menerapkan *Core Abilities* di dalam kalangan pelajar. Menurut Rancangan Malaysia Kesebelas, Kekurangan dan ketidakpadanan kemahiran graduan masih menjadi isu utama dalam proses membina negara maju, kemahiran teknikal dan vokasional dilihat sebagai peneraju industri dalam peringkat global kerana ianya dapat menjana kejayaan melalui inovasi yang diketengahkan melalui *Core Abilities*. Oleh itu, graduan perlu menguasai pelbagai kemahiran pekerjaan lain selain daripada kemahiran teknikal sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan untuk disesuaikan dan diaplikasikan dengan tuntutan semasa di sektor industri. (EPU, 2016-2020).

Institusi Latihan Perindustrian (ILP) adalah salah sebuah institusi latihan teknikal yang terdapat di Malaysia. Institusi ini telah lama berjaya dan terbukti dalam melahirkan graduan yang benar-benar berkualiti dan kompetitif. Jika dilihat kepada senario pembelajaran di ILP yang menekankan 40% teori dan 60% amali pelajar akan berada di dalam dua suasana pembelajaran yang berbeza iaitu di bengkel dan di dalam kelas. Oleh disebabkan pendedahan kepada dua suasana yang berlainan, pelajar melalui proses penerapan *Core Abilities* yang berbeza di dalam kelas atau di dalam bengkel.

Kepentingan *Core Abilities* di dalam dunia perkerjaan merupakan salah satu faktor utama yang memainkan peranan penting bagi seorang bakal graduan kerana ia memastikan graduan tersebut memperoleh kredibiliti yang akan dipandang oleh seorang majikan. Kekurangan penguasaan *Core Abilities* menyebabkan graduan sukar menembusi peluang pekerjaan yang sedia ada. *Core Abilities* perlu dikuasai oleh graduan untuk memenuhi kehendak pasaran pekerjaan dan harus dikenalpasti agar membolehkan pihak institusi pengajian mengambil pelbagai langkah di dalam membangunkan atau menambahbaik kurikulum yang berupaya melahirkan graduan yang berjaya bukan sahaja dalam konteks pekerjaan tetapi di dalam bidang

yang sepadan dengan sijil pengajian yang diperolehi dan mampu menjadi pekerja yang berkemampuan tinggi. (Zaliza, 2014).

Justeru itu, *Core Abilities* di kalangan pelajar amat diperlukan dan sejauh manakah tahap penguasaan *Core Abilities* yang dilakukan oleh sesebuah institut sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Maka kajian ini mengambil peluang untuk melihat tahap penguasaan *Core Abilities* yang dilaksanakan oleh sesebuah institut terhadap kebolehpasaran graduan ke arah pembentukan graduan yang berkualiti berdasarkan enam elemen *Core Abilities*. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk mengenal pasti tahap penguasaan *Core Abilities* dalam kalangan pelajar bidang Kimpalan dan Fabrikasi Logam Institut :Latihan Perindustrian (ILP) sekitar negeri Johor.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Permintaan sumber tenaga manusia yang sangat tinggi di Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun telah mewujudkan beberapa buah institusi kemahiran bagi memenuhi aspirasi tersebut. Persaingan graduan dalam mencari kerja semakin sengit dan permintaan majikan terhadap keterampilan pekerjaan yang semakin spesifik telah memberikan tamparan hebat kepada Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dalam memberikan pengalaman pembelajaran yang berkualiti kepada graduan (Hassan, 2013). Lantaran dari itu, *Core Abilities* adalah salah satu kriteria yang perlu ada untuk menjadikan pelajar itu kompeten dan berdaya saing. Jangkaan majikan terhadap graduan program kemahiran ILKA bahawa mereka mempunyai kemampuan intelek yang tinggi dengan kemampuan untuk berkerja terus meningkat. Cabaran utama ILKA adalah untuk menghasilkan graduan yang memiliki *Core Abilities* bagi memastikan penerimaan majikan terhadap keupayaan graduan dari ILKA yang mempunyai sijil kemahiran mengikut tahap. (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2005)

ILKA yang terlibat di bawah Kementerian Sumber Manusia adalah seperti Institusi Kemahiran Mara (IKM), Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institusi Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Definisi institusi kemahiran adalah sebuah institusi yang dipertanggungjawab terhadap pembangunan sumber manusia sejajar dengan matlamat penubuhannya (JPK, 2005). Justeru itu, institusi kemahiran di Malaysia melatih ratusan orang setiap tahun untuk menebusi pasaran pekerjaan. Sesebuah institusi perlu melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri kemahiran umum yang diperlukan oleh negara dan bukan hanya sekadar melahirkan graduan yang cemerlang dalam ilmu pengetahuan teknikal sahaja (Md Zain, Suja, & Ahmad Basri, 2007). Graduan yang hanya dibentuk dari segi pengetahuan teknikal dengan kurang penekanan terhadap *Core Abilities* akan menyebabkan berlakunya pengangguran. Penyataan ini disokong oleh Ismail (2011) dalam kajian Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang menyatakan para graduan yang kurang kemahiran dari segi kemahiran komunikasi merupakan salah satu punca kegagalan untuk mendapat pekerjaan. Menurut Ismail (2012) kebolehpasaran yang ada pada graduan akan terjejas apabila mereka tidak mempunyai ciri-ciri yang diperlukan oleh majikan, terutamanya *Core Abilities*. Oleh disebabkan peluang pekerjaan yang terhad, maka berlaku persaingan yang sengit antara graduan.

Menurut Mustafa, Mohd Nor, Suradin & Ahad (2010) menyatakan bahawa persaingan merebut peluang pekerjaan dalam pasaran adalah sangat tinggi. Graduan harus lebih bersedia dan

melengkapi diri dengan menjadi serba boleh dengan pelbagai kemahiran. Graduan yang memiliki *Core Abilities* dilihat sebagai graduan berkebolehan dan tidak sukar menghadapi masalah mendapatkan kerjaya selepas habis belajar kelak. Terdapat beberapa kriteria yang diambil kira oleh majikan dalam mencapai sumber tenaga yang ideal untuk diambil kerja. Sikap yang biasanya diambil kira ialah disiplin, dedikasi terhadap kerjaya, kemahiran berkomunikasi, berpengetahuan dalam teknologi, boleh membuat keputusan dan sebagainya (Mustafa *et al.*, 2010). Dengan adanya keperluan ini di dalam diri seseorang yang ideal di mata seorang majikan, kemahiran-kemahiran untuk membentuk keterampilan dan kebolehan menjadi prioriti utama untuk diterapkan dalam memenuhi sumber manusia yang berkompeteren bagi memastikan keperluan global untuk menjanakan ekonomi Malaysia berpendapatan tinggi (Adnan, 2004).

Justeru itu, *Core Abilities* merupakan elemen yang penting dalam memastikan kebolehan pasaran pelajar dalam pekerjaan bagi memastikan tiada berlaku pengangguran dalam mewujudkan tenaga kerja mahir yang bersahsiah tinggi. Jelas menunjukkan penekanan terhadap *Core Abilities* perlu dikuasai oleh graduan serta memenuhi kehendak pasaran pekerjaan haruslah dikenalpasti agar dapat membolehkan pihak institusi pengajian mengambil pelbagai langkah di dalam membangunkan atau menambahbaikkan kurikulum yang berupaya melahirkan graduan yang berjaya bukan sahaja dalam konteks hanya mendapat pekerjaan tetapi bekerja di dalam bidang yang sepadan dengan sijil pengajian yang diperolehi dan mampu menjadi pekerja yang berkompeteren tinggi. (Zaliza, 2014)

Beberapa pengkaji menyatakan bahawa masalah utama yang menyebabkan graduan di Malaysia menghadapi masalah pengangguran adalah kerana mereka tidak menguasai *Core Abilities* sepenuhnya seperti kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran interpersonal, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berpasukan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran keusahawanan (Rahmah Ishak & Lai, 2011). Selain dari aspek kemahiran, menunjukkan bahawa graduan-graduan ini lemah dari segi aspek kemahiran teknikal terutamanya kekurangan dari segi pendedahan terhadap penggunaan peralatan dan teknologi terkini serta kekurangan latihan dan pengalaman praktikal (Ismail, 2011). Ini menyebabkan berlakunya permasalahan di pihak industri dalam memilih graduan-graduan yang mempunyai kemahiran teknikal yang diperlukan untuk bekerja.

Menurut Nasir & Nordin (2011) bilangan graduan lulusan teknikal keluaran dari Institusi Pendidikan Teknikal Malaysia adalah mencukupi di pasaran buruh, namun begitu masih terdapat ramai yang tidak memperolehi pekerjaan tersebut. Ini dibuktikan oleh Mustafa *et al.*, (2010) yang menunjukkan bahawa majikan dan industri di Malaysia melihat graduan dengan lulusan yang mempunyai ilmu pengetahuan atau kemahiran teknikal adalah mencukupi, tetapi ketidakpuasan hati daripada majikan adalah dilihat kepada *Core Abilities* yang dimiliki oleh para graduan seperti kemahiran komunikasi, kemahiran interpersonal, pemikiran kritikal, penyelesaian masalah secara kreatif dan kemahiran kepimpinan.

Oleh yang demikian, kebolehan pasaran para graduan teknikal bukanlah semata-mata disebabkan masalah kekurangan pekerjaan tetapi adalah disebabkan wujudnya ketidaksepadanan antara kemahiran yang diperlukan oleh pasaran dengan kemahiran yang dimiliki oleh graduan teknikal (Mohamad Sattar, 2009). Justeru itu, apabila berlakunya ketidaksepadanan kemahiran ini, ia akan menyumbang kepada berlakunya peningkatan masalah pengangguran serta

mengganggu produktiviti pekerjaan seseorang. Kesan daripada kelemahan ini menyebabkan graduan sukar mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan yang diperolehi. Abd Hair & Zafir (2009) menyatakan bahawa faktor kemahiran teknikal dan kemahiran kebolehterapan menjadi penentu bagi seseorang graduan untuk mendapat sesuatu pekerjaan.

Pemilihan pekerja yang ketat dan teliti berlaku kerana beberapa faktor seperti majikan yang mementingkan kaedah yang efisien dan berkesan dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti bagi syarikat mereka. Graduan seharusnya sedar dan perlu membuat persediaan untuk meneroka alam pekerjaan kelak. Menurut Ismail *et al.*, (2011), menyatakan bahawa majikan memerlukan pekerja yang memiliki kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, menyelesaikan masalah, membuat keputusan, memiliki ciri-ciri kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan lain-lain. Pernyataan ini di sokong oleh Hassan & Hasliza (2013), yang menyatakan bahawa bakal majikan kurang yakin terhadap lulusan para graduan terutama pada aspek keperibadian, keyakinan diri, kurang kemahiran berkomunikasi, penampilan, kemampuan membuat keputusan terbatas dan tidak mampu bekerja dalam kumpulan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pemilihan graduan untuk bekerja dalam sebuah institusi atau syarikat adalah bergantung kepada *Core Abilities* yang dimiliki oleh seseorang graduan dalam memenuhi permintaan majikan di industri.

Menurut Mustafa *et al.*, (2010) menyatakan bahawa persaingan merebut peluang pekerjaan dalam pasaran adalah sangat tinggi. Graduan yang memiliki *Core Abilities* dilihat sebagai graduan berkebolehan kerana dengan adanya keperluan ini di dalam diri seseorang yang ideal di mata seorang majikan, kemahiran-kemahiran untuk membentuk keterampilan dan kebolehan menjadi prioriti utama untuk diterapkan dalam memenuhi sumber manusia yang berkemampuan bagi memastikan keperluan global untuk menjanakan ekonomi Malaysia berpendapatan tinggi (Adnan, 2004).

Justeru itu, *Core Abilities* perlu diserapkan di kalangan pelajar semasa mereka masih belajar dalam menghasilkan graduan yang berkualiti. Oleh itu, institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam membina masyarakat khususnya menjadikan Malaysia sebuah negara maju berasaskan pengetahuan. Institusi Pendidikan bukan sahaja dianggap sebagai institusi yang mengembangkan dan membudayakan ilmu malah ianya bertanggungjawab untuk memenuhi aspirasi dan jangkaan masyarakat serta negara dengan melahirkan pelajar yang berketerampilan, mampu berfikir secara rasional, kritis, kreatif, inovatif, berdisiplin dan berakhlak mulia (Abd Hair & Zafir, 2009).

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Kepentingan *Core Abilities* di dalam dunia pekerjaan merupakan salah satu faktor utama yang memainkan peranan penting bagi seorang bakal graduan kerana ia memastikan graduan tersebut memperoleh kredibiliti yang akan dipandang oleh seorang majikan. Kekurangan penguasaan *Core Abilities* menyebabkan graduan sukar menembusi peluang pekerjaan yang sedia ada. *Core Abilities* perlu dikuasai oleh graduan untuk memenuhi kehendak pasaran pekerjaan dan harus dikenalpasti agar membolehkan pihak institusi pengajian mengambil pelbagai langkah di dalam membangunkan atau menambahbaik kurikulum yang berupaya melahirkan graduan yang berjaya

bukan sahaja dalam konteks pekerjaan tetapi di dalam bidang yang sepadan dengan sijil pengajian yang diperolehi dan mampu menjadi pekerja yang berkompentensi tinggi. (Zaliza, 2014). Justeru itu, *Core Abilities* di kalangan pelajar amat diperlukan dan sejauh manakah tahap penguasaan *Core Abilities* yang dilakukan oleh sesebuah institut sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Maka kajian ini mengambil peluang untuk melihat tahap penguasaan *Core Abilities* yang dilaksanakan oleh sesebuah institut terhadap pelajar ke arah pembentukan graduan yang berkualiti berdasarkan enam elemen *Core Abilities*. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk mengenal pasti tahap penguasaan *Core Abilities* dalam kalangan pelajar bidang Kimpalan dan Fabrikasi Logam Institut Latihan Perindustrian (ILP) sekitar negeri Johor.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan untuk:

- i. Mengetahui tahap penguasaan *Core Abilities* di kalangan pelajar bidang Kimpalan dan Fabrikasi Logam.
- ii. Mengetahui elemen-elemen utama *Core Abilities* yang dikuasai oleh pelajar dalam bidang Kimpalan dan Fabrikasi Logam bagi memenuhi keperluan pekerjaan.
- iii. Menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap *Core Abilities* sebagai persediaan untuk berkerja.

5.0 METODOLOGI

Rekabentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah jenis tinjauan dengan menggunakan pendekatan secara kuantitatif. Menurut Konting (2005), kajian yang berbentuk tinjauan adalah merupakan satu kajian yang mengambil data dalam satu masa tertentu sahaja dan selalunya menggunakan soal selidik. Oleh yang demikian, reka bentuk kajian ini membimbing dan membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat, mengumpul, menganalisis dan mengadaptasi data berhubung dengan maklumat kajian ini.

5.1 Populasi dan Sampel Kajian

Di dalam kajian ini, populasinya terdiri daripada pelajar tahun akhir dalam bidang Kimpalan dan Fabrikasi Logam di Institut Latihan Perindustrian sekitar negeri Johor iaitu ILP Tangkak, ILP Pasir Gudang dan ILP Mersing. Populasi pelajar dalam bidang Kimpalan dan Fabrikasi Logam di Institut Latihan Perindustrian sekitar negeri Johor seramai 105 orang dan kesemua pelajar dijadikan responden berdasarkan Jadual 1.

Jadual 1: Pecahan taburan keseluruhan populasi mengikut ILP

Lokasi	Bilangan Pelajar
ILP PASIR GUDANG	40
ILP MERSING	34
ILP TANGKAK	31
JUMLAH	105

5.2 Instrumen Kajian

Ahmad Ayob (2005) menyatakan borang selidik merupakan satu kaedah yang bersesuaian digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Penggunaan borang soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik (Mohd Majid Konting, 1990). Soal selidik digunakan untuk memudahkan sampel menjawab soalan yang dikehendaki. Menurut Burns (2002) soal selidik merupakan instrumen yang kerap digunakan dan kerjasama responden mudah diperolehi. Borang soal selidik bagi kajian ini telah diambil dan diadaptasi oleh pengkaji dengan berdasarkan kepada penilaian prestasi NCS *Core Abilities* dan modul *Core Abilities* sijil Kemahiran Malaysia NOSS. Item yang digunakan ialah berbentuk Skala Likert.

5.3 Analisis Data

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk mencari min, peratus dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap penguasaan *Core Abilities* dalam kalangan pelajar untuk memenuhi peluang pekerjaan. Skala pengukuran min dirujuk berdasarkan interpretasi min skala likert seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min (Gillham, 2010)

Nilai Skor Min	Taksiran Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Statistik inferensi iaitu ujian-t pula digunakan untuk menganalisis data untuk melihat perbezaan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap penguasaan *Core Abilities*. Bagi pengujian hipotesis, sekiranya nilai signifikan kurang daripada nilai .05, maka diputuskan untuk menolak H_0 , iaitu terdapat perbezaan yang signifikan dan sebaliknya jika nilai signifikan lebih besar daripada nilai .05, maka diputuskan untuk menerima H_0 , iaitu tiada perbezaan yang signifikan (Isa, 2007).

6.0 KEPUTUSAN

6.1 Analisis data bagi Tahap penguasaan *Core Abilities* Dalam Kalangan Pelajar

Hasil dapatan analisis deskriptif bagi mengenal pasti tahap penguasaan *Core Abilities* dalam kalangan pelajar mengikut jantina dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Tahap penguasaan Core Abilities

Elemen	Min	Sisihan piawai
komunikasi berkesan	3.85	.806
kesedaran menggunakan teknologi maklumat	3.79	.781
kemahiran kepimpinan	3.89	.858
etika tempat kerja	4.18	.676
kemahiran pentadbiran	3.88	.743
kesedaran, kesihatan, keselamatan dan persekitaran	4.31	.593

Berdasarkan Jadual 3, secara keseluruhan tahap penguasaan Core Abilities dalam kalangan pelajar mengikut elemen Core Abilities adalah tinggi. Di mana menunjukkan pelajar lebih menguasai terhadap elemen kesedaran, kesihatan, keselamatan dan persekitaran yang mencatatkan nilai skor min paling tinggi iaitu 4.31 berbanding elemen kesedaran menggunakan teknologi maklumat iaitu 3.79 mencatatkan nilai skor min paling rendah. Dari huraian analisis di atas dirumuskan bahawa tahap penguasaan Core Abilities dalam kalangan pelajar berada pada tahap tinggi.

6.2 Analisis data bagi Perbezaan Penguasaan Core Abilities Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Jantina

Ujian-t dijalankan bagi melihat perbezaan penguasaan Core Abilities dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina. Hasil analisis dapat dilihat seperti di dalam Jadual 4 dan Jadual 5.

Jadual 4: Perbezaan penguasaan Core Abilities dalam kalangan pelajar (Ujian-t)

Elemen Core Abilities	<i>t-test for Equality of Means</i>			
	t	df	Sig. (2-tailed)	Perbezaan Min
Komunikasi berkesan	4.139	103	.109	1.214
Kesedaran menggunakan teknologi maklumat	1.273	103	.551	.388
Kemahiran kepimpinan	1.467	103	.352	.490
Etika tempat kerja	1.316	103	.353	.347
Kemahiran pentadbiran	-0.983	103	.327	-0.286
Kesedaran, kesihatan, keselamatan dan persekitaran	-1.189	103	.232	-0.276

Berdasarkan analisis dapatan dalam Jadual 4 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap penguasaan Core Abilities sebagai persediaan untuk bekerja. Keputusan analisis secara keseluruhan adalah signifikan iaitu nilai $p \geq .05$. Ini menunjukkan hipotesis (H_0) diterima yang membawa maksud

tiada perbezaan yang signifikan secara statistik antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap penguasaan *Core Abilities* sebagai persediaan untuk bekerja.

Jadual 5: Perbezaan penguasaan *Core Abilities* dalam kalangan pelajar (Ujian-t)

Pemboleh ubah yang dikaji	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Std. Kesilapan bererti
komunikasi berkesan	Lelaki	98	3.93	.646	.065
	Perempuan	7	2.71	1.704	.644
Kesedaran menggunakan teknologi maklumat	Lelaki	98	3.82	.694	.070
	Perempuan	7	3.43	1.618	.612
kemahiran kepimpinan	Lelaki	98	3.92	.821	.083
	Perempuan	7	3.43	1.272	.481
etika tempat kerja	Lelaki	98	4.20	.657	.066
	Perempuan	7	3.86	.900	.340
kemahiran pentadbiran	Lelaki	98	3.86	.746	.075
	Perempuan	7	4.14	.690	.261
kesedaran, kesihatan, keselamatan dan persekitaran	Lelaki	98	4.30	.596	.060
	Perempuan	7	4.57	.535	.202

Secara keseluruhannya analisis ujian-t berdasarkan Jadual 5, menunjukkan tidak terdapat perbezaan terhadap penguasaan *Core Abilities* antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan di mana nilai skor min tertinggi keseluruhan bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang dicatatkan dalam item ini ialah 4.30 bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan ialah 4.57. Ini menunjukkan bahawa pelajar ILP menguasai elemen kesedaran, kesihatan, keselamatan dengan kadar yang tinggi. Seterusnya, nilai skor min paling rendah dalam kesedaran menggunakan teknologi maklumat ialah 3.82 bagi pelajar lelaki manakala bagi pelajar perempuan menunjukkan nilai skor min terendah iaitu 2.71 melibatkan elemen komunikasi berkesan.

Perbezaan penguasaan bagi *Core Abilities* dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Ini dibuktikan dengan nilai $p \geq .05$. Dari segi min menunjukkan bahawa elemen kesedaran, kesihatan, keselamatan dan persekitaran dalam kalangan pelajar perempuan (min = 4.57 dan sp = .535) lebih tinggi dari pelajar lelaki (min = 4.30 dan sp = .596). Namun, perbezaan tersebut tidak signifikan. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi penguasaan *Core Abilities* dalam kalangan pelajar tahun akhir bidang Fabrikasi Kimpalan dan Logam di Institut Latihan Perindustrian (ILP) sekitar negeri Johor.

7.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhan kajian ini merangkumi enam tahap *Core Abilities* seperti komunikasi berkesan, kesedaran teknologi maklumat, kemahiran kepimpinan, etika tempat kerja, kemahiran pentadbiran, kesedaran kesihatan, keselamatan dan persekitaran. Dapatan kajian menunjukkan penguasaan *Core Abilitie* berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah diperolehi, ia menunjukkan tahap penguasaan *Core Abilities* pelajar yang lebih

menguasai terhadap elemen kesedaran, kesihatan, keselamatan dan persekitaran berbanding elemen kesedaran menggunakan teknologi maklumat. Hasil kajian menunjukkan responden menguasai elemen kesedaran, kesihatan, keselamatan dan persekitaran yang mempunyai nilai skor min tertinggi. Ini menunjukkan kepekaan pelajar terhadap keadaan sekeliling seperti mematuhi arahan, prosedur yang ditetapkan dan sentiasa bertertib bagi mengelakkan berlakunya kemalangan. Kenyataan ini disokong oleh Roslena (2012) yang menyatakan salah satu punca kemalangan adalah disebabkan oleh kecuaiannya yang berpunca dari kesilapan individu itu sendiri. Oleh itu amalan keselamatan adalah amat penting ketika menjalankan kerja di bengkel. Kemalangan amat mudah berlaku sekiranya tidak mengamalkan langkah-langkah keselamatan ketika membuat kerja di bengkel.

Manakala nilai skor min paling rendah ialah kesedaran menggunakan teknologi maklumat menunjukkan responden kurang menguasai elemen *Core Abilities* tersebut. Berdasarkan kajian oleh Sunal (1996), beliau mendapati bahawa pembelajaran yang bermakna boleh dicapai melalui penggunaan sumber daripada Internet oleh pelajar. Namun demikian keadaan ini tidak akan berlaku selagi tenaga pengajar tidak mempunyai pengetahuan yang dapat membantu memudahkan penggunaan ICT dalam kalangan pelajar. Malah menurut Juhana & Robiah (2002), proses mengimplementasikan program berasaskan komputer untuk menjayakan Program Penggunaan Teknologi yang memerlukan kos dan memakan masa yang panjang sukar dilaksanakan.

Seterusnya analisis ujian-t yang dilakukan menunjukkan tidak terdapat perbezaan terhadap penguasaan *Core Abilities* antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan tahun akhir dalam bidang Kimpalan dan Fabrikasi Logam Institut Latihan Perindustrian (ILP) sekitar negeri Johor. Ini bermaksud, null hipotesis gagal ditolak kerana nilai signifikannya adalah melebihi nilai .05 ($p \geq .05$). Ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan dapat menguasai *Core Abilities* dengan baik. Ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan di Malaysia menerima pendidikan secara holistik tanpa membezakan jantina (PPM, 2012). Hasil dapatan menunjukkan pelajar lelaki dan pelajar perempuan menguasai tahap penguasaan *Core Abilities* yang tinggi dalam elemen kesedaran, kesihatan, keselamatan dan persekitaran. Namun begitu, nilai skor min menunjukkan pelajar perempuan lebih menguasai elemen tersebut berbanding pelajar lelaki. Ia selari dengan pendapat Keefe (1987) yang menyatakan bahawa pelajar perempuan mempunyai kemahiran belajar yang lebih baik daripada pelajar lelaki. Oleh demikian, ini bermakna pelajar harus mendapat pengetahuan dan kemahiran yang sewajarnya hasil dari pembelajaran dan pengajaran di Institut Latihan Perindustrian (ILP) bagi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti dan berdaya saing untuk mengharungi era globalisasi dalam memenuhi peluang pekerjaan yang semakin terhad pada masa kini. Secara keseluruhannya, keenam-enam elemen memainkan peranan yang penting dalam memastikan tahap penguasaan *Core Abilities* di kalangan pelajar dalam memenuhi keperluan pekerjaan di industri.

8.0 KESIMPULAN

Daripada hasil dapatan kajian secara keseluruhan, satu kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan pelajar dalam menguasai elemen kesedaran menggunakan teknologi maklumat. Modul *Core Abilities* bagi

elemen kesedaran menggunakan teknologi maklumat mungkin perlu dilakukan penambahbaikan. Ini penting dalam meningkatkan penguasaan *Core Abilities* pelajar secara keseluruhan. Pelajar haruslah menguasai *Core Abilities* dan perlulah mempunyai persepsi yang tepat dengan keperluan industri supaya mereka akan diambil bekerja di dalam bidang perindustrian yang diinginkan nanti.

9.0 RUJUKAN

- Abraham H., Maslow. (1984). *Motivasi Dan Keperibadian*. Jakarta: Pustaka Binoman. Pressido
- Ashley, P. (2006). *Research in environment management, Australasian Journal of Environmental Management*, 13(2), 37-41
- Abdul Ghaffar, M. N. (2001). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd. Hair, A & Zafir, M. M. (2009). *Pembangunan dan Pengurusan: Modal Insan Negara*. Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM.
- Adnan, N.A. (2004). *Profil Kemahiran Generik Pelajar Aliran Teknikal Di Politeknik*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Amiri, D. (2010) *Krusus kimpalan Dan Fabrikasi Logam*. Dicapai pada November 15, 2010, pautan dari <http://mohdamiridwan.blogspot.my/p/metal-fabrication-technology.html>
- Ainon Mohammad. (2003). *Komunikasi Berkesan*. Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur.
- Bahril, B., Balli. (2010). *Kerangka Kaedah Penilaian Untuk "Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu" Dalam Institusi Berorientasikan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (PLTV) di Malaysia*. 13-40
- Burnates. (2014). *CORE ABILITIES: A Supplement to National Occupation Skill Standards*.
- Certa, S. (1990). *Leadership* (1st ed). USA: Prentice Hall
- City, Guilds. (2011). *Employer Engagement: UK: Briefing Note*.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan* (1st ed). McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd
- Chua, Y. P. (2010). *Kaedah Penyelidikan* (2nd ed) McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- EPU. (2016-2020). *Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Economic Planning Unit*.
- Eunson Baden, (2007). *Communication in the Workplace Organisational Communication*
- Gallagher, K. (2013). *Skills Development for Business and Management Students: Study and Employability*. Oxford University Press.
- Ghani S.H. (2005). *Persepsi mahasiswa IPTA terhadap Kepentingan Kemahiran Generik*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Gillham, A. (2010). *Research Methodology* (3rd ed) USA: Prentice Hall
- Hassan, H. (2002). *Ciri-ciri Kualiti Pelajar Untuk Keperluan Pekerjaan Pada Masa Kini. Seminar Antara Industri dan Institusi Pendidikan Awam*, Universiti Teknologi Malaysia: Bangi. Tidak diterbitkan.
- Hassan. R. (2013, November 18). *Lebih 83 Peratus Graduan Ilp Penuhi Pasaran Kerja*. Bernama. Dicapai pada November 20, 2013, dari <http://www.jtm.gov.my/ver25/index.php/ms/component/content/article/51-akhbar/242-lebih-83peratus-graduan-ilp-penuhi-pasaran-kerja-18-november-2013>
- Hassan, Z., Silong, A. D. & Muslim, N. (2009). *Kepimpinan Beretika dan Kecemerlangan Organisasi dalam Perkhidmatan Awam*. MALIM: *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 10. pp. 39-52

- Idris Azizi. (2010) *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Idris, N. (2001). *Pemyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: Mc Graw (Malaysia) Sdn Bhd.
- Ismail, N.A. (2011). *Graduates' Characteristics and Unemployment: A Study among Malaysian Graduates*. International Journal of Business and Social Science-Vol. 2 No.16; September 2011.
- Jailani, M. Y. (2007). *Kecemerlangan Tenaga Pengajar Menjadi Impak yang Besar Ke Arah Melahirkan Modal Insan Yang Berkualiti*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Dicapai pada Oktober 30, 2011, dari Jabatan Tenaga Manusia:
- Jabatan Pembangunan Kemahiran. 2010. *Core Abilities: A supplementary standard for NOSS*: JPK, Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya.
- Johari, M. J. (2001). *Etika Profesional*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Juhana & Robiah. (2002). *Keyakinan Guru-Guru Untuk Mengintegrasikan Teknologi dalam Kurikulum*. Jurnal Bahagian Teknologi Pendidikan Sabah 4(2): 23-36.
- Kandar. (2010). *Keberkesanan Amalan Keselamatan Bagi Pelajar Semester Satu Jabatan Kejuruteraan Elektrik Polimas*. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Kamri, N. A. (2008). *Kefahaman dan Sambutan Terhadap Kod Etika Islam: Pengalaman Tabung Haji*. Jurnal Syariah Jil. 16(1), 145-162.
- Koffel, L. (1994). *Teaching workplace skills*. Houston; TX: Gulf.
- Keffe, J. (1987). *Learning styles theory and practice*. Reston: National Association of Secondary Scholls Principals.
- Konting, M. M. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*.” Kuala Lumpur Kementerian Sumber Manusia. (2006). *Peranan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)*. Jabatan Pembangunan Kemahiran.
- Landell,. R. (1997). *Methods of Educational & Social Science Research: An Integrated Approach*. 1st Ed. 1997, 2nd Ed. 2000, New York: Longman, also Long Grove, IL: Waveland Press; 3rd Ed 2009, Waveland Press
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan Edisi Pertama*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Mazana, I. (2011) *Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Dicapai pada September9,2011.pautandari<http://bmm3105mazana.blogspot.my/2011/09/pengintegrasian-teknologi-maklumat-dan.html>
- M. Zakaria. (2007). *Penguasaan Kemahiran Melibatkan Perbezaan Jantina* : UKM
- Md Zain, Suja & Ahmad Basri, (2007). *Penilaian kemahiran Insaniah dalam Kursus Sistem Bioreaktor KW4113*. Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md Nasir & Nordin, M.S. (2011). *Technival Skills and Non-techincal Skills: Predefinition Concept*. Proceedins of the IETEC 11 Conference, Kuala Lumpur, Malaysia
- Mustafa, M.Z., Mohd Nor, N., Suradin, A. & Ahad, R. (2010). *Kemahiran Soft Skills Di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Dalam: Esa. A. & Mustafa, M.Z. *Kemahiran Insaniah: Kajian di Institusi-Institusi Pengajian*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Modul Pembangunan Kemahiran. (2016). (*Core Abilities*), Kementerian Sumber Manusia.
- M. Najib, S. (2015), *Amalan Pengurusan Keselamatan Bengkel Kemahiran Hidup (KHB)* Sekolah Menengah Harian Daerah Batu Pahat. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- Mohd Noor, N. (2010). *Penerapan kemahiran Generik Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Yayasan Sabah*. Dicapai pada 12 November 2013 dari <http://eprints.utm.my>
- Mohd Yatim, S. (2007), *Penentuan Kemahiran Yang Bersesuaian Untuk Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Teknologi* : Universiti Teknologi Malaysia
- Nik zulkarnain. (2015). *Kualiti Kepimpinan dalam kalangan penyelarass Homestay: Prespektif penguasaha homestay*. UTHM. Projek sarjana
- Noraini Kaprawi, (2010), *Kajian Tinjauan Secara Kuantitatif* , In N,Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (pp,205-206). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill
- Nordin, M.S. (2005), *Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti*. Seminar Pendidikan 2005. Fakulti Pendidikan, Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Rashid., A. (2006, Julai 16) *Masalah Pengangguran di Malaysia*. Utusan Malaysia.ms. 8.
- Roslina, C.J.N. (2012). *Tahap Kesediaan Pelajar Kejuruteraan Politeknik Terhadap Keselamatan Di Dalam Bengkel*. Tesis Sarjana. UTHM.
- Ragins, B.R., & Cotton, J.L. (2011). *Marginal Mentoring: The Effects of Type of Mentor, Quality of Relationship, and Program Design on Work and Career Attitudes*. *Academy of Management Journal*, 43(6), 1177-1194
- Said.A.(2006). *Kemahiran Generik di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Malaysia*.Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Sharani. (2007). *Teori Pembelajaran , Psikologi Pendidikan*,1-9
- Siraj.T, (2006). *Modul Asas penyelidikan dalam kuantitatif* edisi 2'Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Sunal, D. W. (1996). *The Impact of Network Communication Technology on Science Teacher Education*. *Journal of Computers in Mathematics and Science Teaching* 11(2): 143-153.
- Sukarman, M.Z. (2012). *Kemahiran Insaniah Dalam Latihan Industri Pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Johor Bahru*, Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Thomas B, Donna M. (1993). *The School-to-Work Transition and Youth Apprenticeship: Lessons from the U.S. Experience*. School-to-Work Transition Project.
- Walby, S. (2009). *Gender transformations*. London: Routledge
- Werner & James. (1988). *Basic of Communication Skill* (1st ed).USA: Prentice Hall
- Wikipedia. (2009) Institut Latihan Perindustrian. Dicapai pada Disember 20, 2009. dari https://ms.wikipedia.org/wiki/Institut_Latihan_Perindustrian
- Wan Norazah Wan Chik. (2009). *Sejauh Mana Penglibatan Pihak Industri Dapat Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan Dan Cadangan Bagaimana Kerjasama Ini Dapat Dipertingkatkan Ke Arah Mencapai Hasrat Tersebut*: Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Merlimau, Melaka
- W. Sabri. (2012) *Kesedaran Keselamatan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Kemahiran Tinggi Mara Di Lembah Kelang*. Fakulti Kejuruteraan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Yahaya.A & Ramli.S. (2006) *Mastering Research Method*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Yusof dan Rohana. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*.Pts Publications & Distributon
- Ying, R. K. (2013). *Case study research: Design and method*. Sage publications.

Zaliza, Mohd Safarin N, Ridzwan CR. (2014) *Unemployment Problem among Graduates of Technical Field: Competencies of the Graduates and Quality of the Education*. Sains Humanika 2 (2), 53–57.

Zaihan Nabila Harun. (2014). *Kompetensi Guru dalam Pengajaran Amali Reka Bentuk dan Teknologi di Sekolah Rendah Daerah Batu Pahat*. UTHM. Projek sarjana